



LAPORAN HARI AUDIT SE MALAYSIA

SEMPENA SAMBUTAN
100 TAHUN
INSTITUSI AUDIT NEGARA

KANDUNGAN

	Muka surat
<u>1</u> <u>Latar Belakang</u>	1
<u>2</u> <u>Objektif</u>	1
<u>3</u> <u>Tema</u>	1
<u>4</u> <u>Jawatankuasa</u>	2
<u>5</u> <u>Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan</u>	3 – 19
<u>6</u> <u>Penutup</u>	19

Lampiran

<u>Aturcara Lengkap</u>	Lampiran A
<u>Laporan Media</u>	Lampiran B
<u>Ucapan Perasmian Oleh Y.A.B Perdana Menteri</u>	Lampiran C
<u>Kata-kata Aluan Oleh Ketua Audit Negara</u>	Lampiran D

LAPORAN HARI AUDIT SE MALAYSIA

1. Latar Belakang

Jabatan Audit Negara akan menyambut 100 tahun Institusi Audit Negara pada tahun 2006. Hari Audit Se Malaysia telah diadakan sebagai sebahagian daripada aktiviti sambutan 100 tahun Institusi Audit Negara pada 16 Disember 2005 di *Putrajaya Convention Centre*.

2. Objektif

- Memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara, kini dan masa hadapan.
- Memberi peluang kepada Jabatan/Agensi mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung kewangan serta aktiviti mereka.
- Mendapat maklum balas daripada Jabatan/Agensi ke arah penambahbaikan Pengurusan Audit.

3. Tema

Tema yang telah dipilih bagi Hari Audit Se Malaysia adalah '**Pengauditan Berkualiti Memperkuuhkan Akauntabiliti Dan Integriti**'. Rasional tema ini adalah kerana Jabatan Audit Negara berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan wang awam dan ini membantu meyakinkan orang awam mengenai integriti dan kewibawaan kerajaan yang dipilih. Bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih efektif, Jabatan Audit Negara telah dan sedang mengambil langkah secara berterusan untuk meningkatkan kualiti pengauditan yang dilaksanakan, selaras dengan standard pengauditan antarabangsa dan perkembangan sejagat.

4. Jawatankuasa

Jawatankuasa yang telah dilantik bagi melaksanakan program Hari Audit Se Malaysia adalah seperti berikut:

Penasihat : Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
Pengerusi : Y. Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad
Setiausaha : En. Khalid Khan bin Abdullah Khan
Ahli Jawatankuasa:
En. Harun bin Ali
En. Boon Jon Lin
Tn. Hj. Mustapha bin Naina Maricar
Tn. Hj. Mustafa bin Saman
Tn. Hj. Anwari bin Suri
En. Hamdan bin Ahmad
Pn. Hjh. Fatimah bt. Hj. Mamat
En. Abdul Rahim bin Zahari
En. Abdul Rashid bin Yaakub
En. Zulkiple bin Abdullah
En. Zaaba bin Zainuddin
En. Abd. Wahab bin Ahmad
Pn. Yusnani bt. Zakaria
Pn. Hjh. Noraini bt. Abdul Wahab
Y. Bhg. Datin Seri Shamsiah bt. Hj. Daud
Y. Bhg. Datin Laila Fauze bt. Hj. Abdul Hadi
En. Abd. Rahman bin Johor
En. Roslan bin Abu Bakar
Cik Norrizan bt. Tahir
En. Y. Hamdan bin Mohd Dom
En. Muhammad Iskandar bin Mokhtar
Tn. Hj. Toha bin Sharif
Cik Raftah bt. Ibrahim
En. Paul Chai Sin Ngee

5. Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan

Perasmian Hari Audit Se Malaysia telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada pukul 3.00 petang. Majlis telah dihadiri oleh seramai 300 orang di mana 142 adalah tetamu luar dari Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan, Firma Audit Swasta, Badan Profesional, bekas pegawai audit dan wakil rakyat. Acara kemuncak pada Majlis ini adalah pelancaran Hari Audit Se Malaysia oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia.

Aktiviti lain yang telah diadakan adalah:

- (i) Forum Perdana Audit
- (ii) Pameran yang bertema "**Institusi Audit Negara Dahulu, Kini Dan Masa Depan**"
- (iii) Kaunter bertemu pelanggan.

Forum Perdana telah diadakan di sebelah pagi di mana dua tokoh telah diundang untuk membincangkan tajuk "**Keharmonian di Tempat Kerja**". Forum tersebut telah dipengerusikan sendiri oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara dan dihadiri oleh 700 pegawai dan kakitangan audit seluruh Negara. Aturcara lengkap Hari Audit Se Malaysia adalah seperti di **Lampiran A** yang berkepil. **Lampiran B** adalah laporan oleh beberapa media mengenai Hari Audit Se Malaysia. Dikepulkan juga Kata-kata Aluan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil seperti di **Lampiran C** dan Ucapan Perasmian oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi seperti di **Lampiran D**.



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi diiringi oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil masuk ke Dewan Utama



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi diiringi oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil masuk ke Dewan Utama



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil berdiri menyanyikan lagu NegaraKu



Hadirin mendengar ucapan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi



Perasmian Hari Audit Se Malaysia oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

Beberapa aktiviti telah dilaksanakan bermula dari pagi hingga ke petang pada 16 Disember 2005 sempena dengan Hari Audit Se Malaysia. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah.

5.1 Forum Perdana

Forum Perdana yang telah diadakan pada pukul 8.30 pagi bertempat di Unity Hall B1, Putrajaya International Convention Centre. Penceramah jemputan yang menjadi ahli panel terdiri daripada Y. Bhg. Dato' Dr. Mat Saat bin Baki, Executive Director MSB, *Corporate Training and Consultancy* dan Dr. Sharifah Hayaati bt. Syed Ismail, Pensyarah Jabatan Siasah Syariyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



Hadirin berdiri menyanyikan Lagu Negaraku dan lagu korporat sebelum Forum dimulakan



Ucapan perasmian oleh Y. Bhg. Tan Sri Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil



Hadirin sedang mendengar ucapan perasmian



Hadirin sedang mendengar ucapan perasmian



Y. Bhg. Dato' Dr. Mat Saat bin Baki sedang menyampaikan ceramah



Hadirin sedang mendengar forum perdana



Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara bersama Dr. Sharifah Hayaati bt.
Syed Ismail di pentas



Dr. Sharifah Hayaati bt. Syed Ismail menyampaikan ceramah



Y. Bhg. Dato' Dr. Mat Saat bin Baki sedang menyampaikan ceramah



Hadirin sedang mendengar forum perdana

5.2 Pameran Hari Audit Se Malaysia

Tema pameran adalah '**Institusi Audit Negara Dahulu, Kini Dan Masa Depan**'. Tujuan pameran ini adalah bagi menjelaskan kepada awam mengenai peranan dan tanggungjawab serta perkembangan Institusi Audit Negara. Antara bahan yang dipamerkan adalah gambar, bahan bercetak, beg lama dan alatan pejabat yang digunakan sebelum dan selepas merdeka. Kandungan pameran pada hari tersebut adalah seperti berikut:



Pintu masuk pameran



Perdana Menteri merasmikan pameran



Perdana Menteri melawat tapak pameran



Perdana Menteri melawat tapak pameran

5.2.1 Institusi Audit Sepintas Lalu

Penerangan dan gambar bagi memperkenalkan institusi audit secara ringkas.



Petugas yang membantu di tapak pameran

5.2.2 Era Sebelum Merdeka

Penerangan dan gambar mengenai sejarah awal Institusi Audit Negara



Antara peralatan yang digunakan pada masa dahulu

5.2.3 Era Selepas Merdeka

Penerangan dan gambar mengenai perkembangan terkini
Institusi Audit Negara



Antara Manual dan Garis Panduan yang dipamerkan

Penerangan dan gambar mengenai pencapaian Institusi Audit Negara mengikut Sektor/Bahagian, aktiviti perhubungan Peringkat Antarabangsa dan pelaksanaan aktiviti luar



Pegawai Akademi Audit Negara menunjukkan gambar Akademi Audit Negara



Orang ramai melawat pameran



Pegawai Audit yang menerangkan perisian terkini kepada pengunjung

5.3 Kaunter Bertemu Pelanggan

Sektor Pengurusan Korporat, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan telah membuka kaunter bagi membolehkan orang ramai dan audit bertemu dan berbincang secara langsung dengan Jabatan Audit Negara. Borang soal selidik mengenai kepuasan pelanggan juga telah diedarkan melalui kaunter ini.



Pelawat sedang mengisi borang di kaunter bertemu pelanggan

6. PENUTUP

Hari Audit Se Malaysia yang diadakan untuk julung kalinya sempena Perayaan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara telah berlangsung dengan jayanya. Majlis ini juga telah mendapat liputan luas media dan ini telah membantu dalam memperkenalkan peranan dan fungsi Jabatan kepada orang awam.

LAMPIRAN A



Majlis Perasmian Hari Audit Se Malaysia

Sempena Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara



**'Pengauditan Berkualiti Memperkuuh
Akauntabiliti Dan Integriti'**

Dirasmikan Oleh :

**Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia**

**Jumaat, 16 Disember 2005
2.30 petang**

**Dewan Perdana,
Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya**

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Rangdunggan

Sekapur Sirih Seulas Pinang Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia	3
Kata Aluan Ketua Audit Negara	4
Pengenalan	5
Aturcara Majlis	6
Program Sepanjang 2005 - 2006 Sempena Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara	7
Maklumat Pameran	8
Pelan Lokasi Hari Audit Se Malaysia	9
Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara	10
Penghargaan	11

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti



Sekapur Sirih Seulas Pinang

Yang Amat Berhormat
Perdana Menteri Malaysia



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Audit Negara kerana telah berjaya menganjurkan Hari Audit Se Malaysia bersempena dengan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara. Jabatan Audit Negara memainkan peranan penting bagi memperkuuhkan akauntabiliti dan integriti sektor awam. Akauntabiliti yang tinggi adalah tunjang kepada pembentukan sebuah pentadbiran yang teguh, cekap dan telus. Dalam hal yang sedemikian, setiap Jabatan dan agensi Kerajaan perlu memberikan perhatian yang lebih teliti dan serius kepada Laporan Ketua Audit Negara serta bertindak pantas mengambil langkah untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.

Saya berharap majlis ini dapat dimanfaatkan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan untuk mengenali dengan lebih dekat peranan dan fungsi Jabatan Audit Negara ke arah mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan. Pada masa yang sama juga Jabatan/Agensi boleh mendapatkan nasihat dan pandangan daripada anggota Jabatan Audit Negara berhubung dengan isu pengurusan kewangan yang mungkin mereka hadapi. Bagi membolehkan Jabatan Audit Negara memberikan pendapatnya secara bebas dan bernes, adalah penting anggotanya juga memahami masalah yang dihadapi oleh Jabatan/Agensi dan peka kepada keadaan persekitarannya.

Jabatan Audit Negara boleh mengambil peluang di majlis ini untuk mendapatkan maklum balas daripada pelanggannya bagi tujuan penambahbaikan pengurusan aktiviti pengauditan.

Sekian.

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI

9 Disember 2005

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Kata Aluan

Ketua Audit Negara



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi merasmikan Hari Audit Se Malaysia. Sesungguhnya kehadiran beliau ke majlis ini membuktikan bahawa beliau sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan pengauditan bagi menentukan wujudnya akauntabiliti dan integriti sektor awam.

Sambutan Hari Audit Se Malaysia adalah merupakan satu daripada aktiviti yang diadakan bersempena dengan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada Jabatan/Agenzi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara di samping membolehkan mereka mendapatkan pandangan atau nasihat daripada pegawai Audit berhubung dengan pengurusan kewangannya. Melalui majlis ini juga saya berharap Jabatan/Agenzi dapat memberikan maklum balas dan cadangan bagi memperkemaskin lagi pengurusan pengauditan. Adalah menjadi matlamat Jabatan Audit Negara untuk menghasilkan Laporan Audit yang berkualiti dan seimbang di mana bukan sahaja melaporkan kelemahan yang berlaku malahan melaporkan juga pembaharuan dan penambahbaikan pengurusan yang telah diambil oleh Jabatan/Agenzi.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa yang menganjurkan majlis ini serta semua pihak yang menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita ini mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Sekian.

TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL
I Disember 2005

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Pengenalan

Hari Audit Se Malaysia dianjurkan untuk julung kalinya sempena Ulang Tahun ke 100 Institusi Audit Negara di Malaysia. Beberapa aktiviti telah dirancang untuk pengisian Hari Audit Se Malaysia bersesuaian dengan tema yang telah dipilih. Pada amnya aktiviti yang dianjur bertujuan meningkatkan kesedaran awam berkenaan kepentingan peranan audit dalam mewujudkan akauntabiliti di sektor awam.

TEMA HARI AUDIT SEMALAYSIA

‘ Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti ’

RASIONAL TEMA

Jabatan Audit Negara berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan wang awam dan ini membantu meyakinkan orang awam mengenai integriti dan kewibawaan kerajaan yang dipilih. Bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih efektif, Jabatan Audit Negara telah dan sedang mengambil langkah secara berterusan untuk meningkatkan kualiti pengauditan yang dilaksanakan, selaras dengan standard pengauditan antarabangsa dan perkembangan sejagat.

OBJEKTIF HARI AUDIT SE MALAYSIA

- Memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara dahulu, kini dan masa hadapan.
- Memberi peluang kepada Jabatan/Agensi mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung kewangan serta aktiviti mereka.
- Mendapatkan maklum balas daripada Jabatan/Agensi ke arah penambahbaikan pengurusan Audit.

Bagi mencapai objektif Hari Audit Se Malaysia, beberapa aktiviti telah dirancangkan seperti berikut:

1. Mengadakan pameran yang menerangkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dan juga sejarah pengauditan sektor awam di tanah air.
2. Mengadakan kaunter bertemu pelanggan di mana pelanggan boleh berbincang secara langsung dengan Jabatan berkaitan isu pengurusan kewangan dan pengauditan.
3. Mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pelanggan mengenai perkhidmatan pengauditan melalui soal selidik atau temubual untuk penambahbaikan pelaksanaan audit secara berterusan. Soal selidik interaktif di portal Jabatan juga disediakan.

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Acara Majlis

- | | |
|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.30 petang | - Ketibaan Para Jemputan |
| <hr/> | |
| 3.00 petang | - Ketibaan
Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia |
| <hr/> | |
| 3.05 petang | - Lagu NegaraKu
- Lagu Korporat Jabatan Audit Negara
- Bacaan Doa oleh :
Y. Bhg. Dato' Syaikh Haji Ismail bin Muhammad
Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya
- Ucapan Aluan oleh :
Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
Ketua Audit Negara
- Ucapan Perasmian Hari Audit Se Malaysia oleh :
Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia
- Pelancaran Hari Audit Se Malaysia oleh Y.A.B. Perdana Menteri
- Persembahan Klip Video
- Lawatan ke Tapak Pameran |
| <hr/> | |
| 4.30 petang | - Minum Petang
- Sidang Media oleh Y.A.B. Perdana Menteri
- Bersurai |
| <hr/> | |

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Program Sepanjang 2005 - 2006 Sempena Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara

Tarikh	Aktiviti	Tempat
19 Jun 2005	Pertandingan Golf Amal	Bangi Golf Resort, Bangi
13 Ogos 2005	Projek Amal	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan Perkuburan dan Masjid Ulu Beranang, Lenggeng, Negeri Sembilan - Rumah Kebajikan Persatuan Pure Life, Batu 6, Puchong, Selangor - Masjid Wadi Hassan, Johor Bahru, Johor - Masjid dan Kawasan Perkuburan di Masjid Paloh, Ipoh, Perak - Rumah Puteri Harapan, Taman Sabariah, Jalan Pengkalan Chepa, Kelantan - Bengkel Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Kerengge, Marang, Kuala Terengganu, Terengganu - Rumah Anak Yatim Tunas Harapan, Payong Seri Sejahtera, Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan - Masjid Darul Iftihad, Taman Kenyalang, Kuching, Sarawak - Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Jalan Alor Akar, Kuantan, Pahang - Kompleks Anak Yatim dan Miskin Fatimah Al-Zaharah (Kayfaz), Bukit Katil, Melaka - Rumah Anak Yatim Darul Aitam Walmasakin, Alor Star, Kedah - Surau Hamiddean, Seksyen 19, Shah Alam, Selangor - Rumah Orang Tua, Rumah Sejahtera Baitul Hannan, (Behor Mali), Perlis - Rumah Warga Tua Seri Pritchard, Kinarut, Sabah - Rumah Kebajikan Asia Community Service Stepping Stone Centre, Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang - Pusat Pemilihan Dalam Komuniti, Wilayah Persekutuan Labuan
24 Nov 2005	Perasmian Akademi Audit Negara	Auditorium, Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan
16 Dis 2005	Hari Audit Se Malaysia - Forum Perdana - Pameran - Hari Bertemu Pelanggan	Putrajaya International Convention Centre - Dewan B1 - Ruang Legar - Ruang Legar
17 Dis 2005	Hari Keluarga	Taman Wetlands, Putrajaya
14 Feb 2006	Konvensyen Audit Se-Malaysia	Putrajaya International Convention Centre
14 Feb 2006	Makan Malam Perdana Pelancaran: - Buku Kenangan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara - Setem Kenangan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara	Putrajaya International Convention Centre

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Maklumat Pameran Hari Audit Se Malaysia Sempena Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara

TEMA

'Institusi Audit Negara Dahulu, Kini Dan Masa Depan'

OBJEKTIF

Menjelaskan kepada awam mengenai peranan dan tanggungjawab serta perkembangan Institusi Audit Negara.

KANDUNGAN PAMERAN


1. Institusi Audit Sepintas Lalu
 - Pengenalan Institusi Audit Negara
2. Era Sebelum Merdeka
 - Sejarah awal Institusi Audit Negara
3. Era Selepas Merdeka
 - Perkembangan Institusi Audit Negara
4. Era Kini dan Masa Depan
 - Perkembangan dan pencapaian Institusi Audit Negara mengikut Sektor/Bahagian
 - Aktiviti perhubungan Peringkat Antarabangsa
 - Pelaksanaan aktiviti luar

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Pelan Lokasi Hari Audit Se Malaysia



Petunjuk :

- 1** Unity Hall B1 : Forum Perdana
- 2** Unity Hall B2 : Dewan Makan Untuk VIP
- 3** Perdana Hall : Majlis Perasmian Hari Audit Se Malaysia
- 4** Green Concourse : Ruang Pameran
- 5** Green Concourse : Pameran Bermula Di Sini
- 6** Green Concourse : Kaunter Bertemu Pelanggan

Hari Audit Se Malaysia

Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti



Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Ke 100 Institusi Audit Negara

Penasihat

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil

Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad

Setiausaha

Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan

Ahli Jawatankuasa

Encik Harun bin Ali	Encik Boon Jon Lin
Tn. Hj. Mustapha bin Naina Maricar	Tn. Hj. Mustafa bin Saman
Tn. Hj. Anwari bin Suri	Encik Hamdan bin Ahmad
Puan Hjh. Fatimah bt. Hj. Mamat	Encik Abdul Rahim bin Zahari
Encik Abdul Rashid bin Yaakub	Encik Zulkipli bin Abdullah
Encik Zaaba bin Zainuddin	Encik Abd. Wahab bin Ahmad
Puan Yusnani bt. Zakaria	Puan Hjh. Noraini bt. Abdul Wahab
Y. Bhg. Datin Seri Shamsiah bt. Hj. Daud	Y. Bhg. Datin Laila Fauze bt. Hj. Abdul Hadi
Encik Abd. Rahman bin Johor	Encik Roslan bin Abu Bakar
Cik Norrizan bt. Tahir	En. Y. Hamdan bin Mohd Dom
Encik Muhammad Iskandar bin Mokhtar	Tn. Hj. Toha bin Sharif
Cik Raftah bt. Ibrahim	Encik Paul Chai Sin Ngee

Hari Audit Se Malaysia



Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti

Penghargaan

Jabatan Audit Negara ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Majlis Perasmian Hari Audit Se Malaysia:

1. Pejabat Perdana Menteri
2. Pejabat Ketua Setiausaha Negara
3. Kementerian Penerangan
4. Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Perbadanan Putrajaya
6. Polis Diraja Malaysia
7. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya
8. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
9. Masjid Putra, Putrajaya

dan juga Kementerian/ Jabatan/ Agensi serta individu yang telah menyumbang dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN B

17 Disember 2005 (Sabtu)



MOTO KAMI: Ketua Audit Negara, Tan Sri Hadenan Abdul Jalil menunjukkan logo Jabatan Akauntan Negara kepada Abdullah ketika melawat pameran selepas merasmikan Hari Audit SeMalaysia di Putrajaya, semalam.

DAVID KAO/O BERITA HARIAN

'Segera siapkan audit'

Teguran Jabatan Akauntan perlu diterima secara positif: PM

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat agensi negeri dan pi- hak berkuasa tempatan (PBT) yang gagal menyediakan penyata kewangan segera menyempurnakannya sebelum akhir tahun ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan perlu diambil oleh agensi negeri dan PBT yang belum menyiapkan penyata kewangan supaya segera menyudahkannya dalam tempoh ditetapkan, supaya imej agensi dan kerajaan tidak terjejas.

"Bagi (agensi negeri dan PBT) yang tak siap (penyata kewangan), cepat-cepatlah siapkan. Ini dah akhir tahun," katanya ketika merasmikan Hari Audit SeMalaysia yang bertemakan "Pengauditan Berkualiti

Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti" di sini, semalam.

Abdullah berkata, beliau difahamkan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanan persekutuan dan sebahagian besar agensi negeri dan PBT sudah disiapkan mengikut tempoh.

"Ucapan syabas patut diberi kepada warga kerja Jabatan Akauntan Negara kerana penyata kewangannya disiapkan mengikut tempoh ditetapkan, sekali gus memenuhi piagam jabatan dan piawaian perakaunan antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketua jabatan atau pegawai pengawal yang menerima teguran dari Jabatan Audit perlu menerimanya dengan sikap terbuka dan positif.

"Saya sering menyarankan jabatan dan agensi kerajaan memberi pen-

kanan terhadap pemerhatian audit. Mungkin ketua jabatan atau pegawai pengawal terkilan apabila teguran dibuat Jabatan Audit.

"Bagaimanapun, teguran itu patut diterima dengan positif dan membina. Tindakan perlu diambil merentasi jawatankuasa sedia ada untuk menyediakan respons positif dan tidak sambil lewa," katanya.

Abdullah berkata, mungkin (jabatan atau agensi) buat ikut cara lain yang tak sesuai untuk meningkatkan prestasi kewangan.

"Apa yang penting apabila audit (Jabatan Audit) tegur, ia perlu dijadikan peringatan supaya ia tidak dibuat lagi atau (difikirkan) perlunya perubahan dalam pengurusan kewangan," katanya.

Mengambil contoh Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang menghantar

pegawainya menjalani latihan dalam bidang audit forensik, Abdullah ber kata, langkah seumpama itu dapat meningkatkan tahap kecekapan Jabatan Audit.

"Jika ada pendekatan yang boleh menghaluskan audit dan nampaknya yang dulunya tidak berapa nampak.. kesalahan yang tersembunyi dengan perakaunan kreatif, ia boleh menjadi pendekatan meningkatkan kecekapan jabatan," katanya.

Abdullah berkata, kerja audit perlu dilakukan secara berhemah dan berasaskan kepada tahap profesionalisme tinggi serta perlu diamalkan juri audit sektor swasta.

"Seseorang juruaudit itu perlulah memberi analisis baik dan pemerhatian bernes sehingga dapat menyelesaikan masalah jabatan," katanya.



Saturday December 17, 2005

Abdullah: Make financial audits a priority

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi wants financial audits to be given priority by both the public and private sectors, adding that this would help strengthen corporate integrity.

Besides acting as a “check and balance,” the Prime Minister said financial audits were also a way of instilling a sense of responsibility and accountability on those charged with managing a company or agency.

He stressed that it was important for such audits to be completed within the allotted timeframe.

“If a sense of responsibility and accountability prevails in us, either as an employee of a company or civil servant, I believe that many problems faced by the economic as well as political sectors will not arise,” he said when launching National Audit Day at the Putrajaya International Convention Centre yesterday.

The Prime Minister said efforts to strengthen accountability and the cause of integrity were not easy, as it needed a high level of commitment from all parties.

“I hope the private sector will also honour these positive values. I don’t see how accountability and integrity cannot be part of the working culture or practice of both the public and private sectors,” he added.

Abdullah said accountability in the public sector could be improved with the role played by enforcement agencies.

LAMPIRAN C

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI MAJLIS PERASMIAN HARI AUDIT SE MALAYSIA
'PENGAUDITAN BERKUALITI MEMPERKUKUH
AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI'
PADA 16 DISEMBER 2005

Saudari pengacara majlis

Para hadirin sekelian

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menzahirkan pandangan dan pendapat mengenai pengauditan, satu subjek yang jarang hendak dibincang; tetapi menjadi satu tarikan kepada media jika hasil pemerhatian audit menunjukkan kelemahan pengurusan kewangan dan pembaziran, walaupun kita tahu yang Laporan Audit sejak beberapa tahun telah menjurus kepada pelaporan yang lebih seimbang.

Pada petang ini saya berdepan dengan satu kumpulan juruaudit yang besar bilangannya, mewakili bukan sahaja juruaudit swasta bahkan sebahagian besarnya adalah juruaudit dari sektor awam. Adalah menjadi persepsi orang ramai bahkan juga lain-lain penjawat awam bahawa mereka yang bertugas di Jabatan Audit Negara adalah '*boring people doing very boring job*'. Bagaimanapun, persepsi ini perlu dipinda kerana setelah mendengar kumpulan koir menyanyi Lagu Negaraku dan lagu Korporat Jabatan Audit nampaknya juruaudit sektor awam juga berupaya menghayati seni dan tidak hanya bergelumang dengan dokumen kewangan yang berhabuk.

Seperti juga profesion yang lain, saya dapati pengauditan telah mengharungi berbagai keadaan dan perubahan, baik dari segi bidang

tanggungjawab yang perlu dipikul, cara kerja yang dilakukan bahkan juga menghadapi berbagai cabaran yang disebabkan oleh perubahan *environment* kerja, baik dari punca dalaman atau luaran. Tidak ketinggalan juga, profesi audit adalah dalam proses untuk memulihkan kembali imej dan status profesi berkenaan, terutamanya setelah beberapa skandal kewangan di luar negara. Bagi kita di Malaysia ada juga pandangan bahawa masalah kewangan yang serius yang dihadapi oleh syarikat-syarikat, terutamanya syarikat-syarikat Kerajaan adalah disebabkan oleh kegagalan pihak juruaudit, sama ada juruaudit luar atau juruaudit dalam memainkan peranan mereka. Persepsi dan tanggapan ini tidaklah keseluruhannya benar kerana beberapa syarikat yang gagal adalah disebabkan berbagai faktor lain termasuklah ketidakcekapan pihak pengurusan atasan, pihak pengurusan tidak mengamalkan budaya akauntabiliti, perubahan strategi syarikat tidak dilakukan walaupun *environment* sekeliling telah berubah dan ada juga penutupan syarikat disebabkan oleh faktor di luar kawalannya. Pada pandangan saya, setiap pihak di sesuatu syarikat yang gagal, sama ada Lembaga Pengarah, pengurusan atasan, pihak pekerja dan juruaudit syarikat boleh dipersalahkan; yang bezanya ialah siapakah yang menjadi penyebab utama.

Tema ‘Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti Dan Integriti’ yang dipilih bersempena dengan Hari Audit Se Malaysia adalah wajar dan sangat relevan bagi negara kita. Apa juga kerja yang kita lakukan mestilah mempunyai kualiti yang ditakrif sebagai satu ‘*moving target*’ dan tidak statik. Kerja yang berkualiti sahajalah yang akan dapat menentukan hasil yang memuaskan dan boleh menentukan kepuasan pelanggan. Selaras dengan itu kerja berkualiti adalah dituntut dari semua sektor di negara ini dan tidak hanya ditumpukan kepada sektor awam.

Keupayaan syarikat negara ini bertanding di pasaran global akan hanya tercapai jika produk yang dihasilkan dan perkhidmatan yang diberi adalah berkualiti.

Bidang pengauditan adalah merupakan satu bidang yang penting bagi sektor swasta bahkan lebih penting kepada sektor awam. Kita semua sedar bahawa kerja yang dilakukan oleh juruaudit telah wujud berkurun-kurun sejak zaman Aristotle lagi. Walaupun skop kerja telah berubah dan cara kerja juga telah menjadi lebih *sophisticated*, tetapi ramai daripada kita berpandangan bahawa juruaudit adalah individu yang akan membuat pengesahan sama ada urusan kewangan sesuatu institusi atau organisasi telah dijalankan secara berhemat dan tidak berlaku penyelewengan dan pembaziran. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika jawatan juruaudit diwujudkan juga bagi institusi kecil seperti persatuan-persatuan sukarela, NGO serta lembaga pengurusan masjid dan surau; tetapi jawatan itu tidak membawa nama *glamour* sekadar dikenali sebagai Pemeriksa Kira-kira. Biasanya jawatan Pemeriksa Kira-kiralah yang sangat disukai kerana mereka yang dipilih untuk jawatan tersebut hanya perlu menjalankan kerja sekali bagi tempoh satu tahun iaitu menurunkan tandatangan untuk pengesahan penyata kewangan yang perlu dibentang semasa mesyuarat tahunan persatuan, berbeza dengan jawatan lain di dalam sesuatu organisasi seperti Ahli Jawatankuasa Sosial yang perlu mengenal pasti aktiviti dan melaksanakannya.

Peranan tradisi juruaudit untuk mengesahkan penyata kewangan akan terus dituntut kerana hasilnya dapat memenuhi beberapa objektif beberapa pihak berkepentingan dan keperluan agensi-agensi yang terlibat dengan pengawasan dan pemantauan sesuatu organisasi. Selaras dengan itu, syarikat-syarikat di sektor swasta adalah diwajib melantik

juruaudit bertauliah untuk membuat pengesahan penyata kewangannya. Ini adalah bertujuan untuk melindungi beberapa pihak yang berkepentingan seperti berikut:-

- ✓ Bagi melindungi pemilik atau tuan punya syarikat dari kehilangan modal yang dilabur; penyata kewangan yang tidak diaudit boleh *manipulate* oleh pihak pengurusan sehingga modal yang dilabur akan terhapus dan pemilik juga mungkin tidak dapat pulangan.
- ✓ Penyata kewangan yang diaudit adalah juga menjadi pelindung kepada pemberi pinjam; ini adalah bagi memastikan wang pinjaman tersebut telah digunakan untuk tujuan pinjaman yang diluluskan dan tidak kepada tujuan lain.
- ✓ Penyata kewangan yang diaudit adalah berguna kepada agensi kawalan dan pemantauan perjalanan syarikat seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti, BSKL dan BNM, untuk memastikan segala peraturan telah dipatuhi.
- ✓ Secara tidak langsung, auditan urusan kewangan syarikat boleh melindungi pembeli hasil keluaran syarikat kerana pembaziran dan lain-lain jenis penyelewengan dalam menentukan kos pengeluaran boleh dikenal pasti.
- ✓ Penyata kewangan yang diaudit adalah penting bagi membolehkan syarikat menjalankan tanggungjawab sosialnya, iaitu membayar cukai kepada Kerajaan. Kegagalan juruaudit

meneliti komponen perbelanjaan syarikat boleh memberi kesan terhadap jumlah cukai yang dipungut.

Jelaslah kepada kita bahawa juruaudit sektor swasta mempunyai tanggungjawab yang sama berat dengan juruaudit sektor awam. Selaras dengan itu saya ingin menyarankan supaya juruaudit sektor swasta menjadikan pengauditan berkualiti sebagai satu budaya kerja. Mereka juga wajar menjalankan kerja berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa supaya persijilan audit yang dikeluarkan meyakinkan pelabur asing dan juga tempatan untuk terus mengekalkan pelaburan dalam syarikat berkenaan bahkan boleh menambah pelaburannya.

Bagi juruaudit sektor awam, saya rasakan pengesahan penyata kewangan merupakan aktiviti yang perlu dilakukan secara *detailed* dan berhemat. Parlimen telah meluluskan peruntukan tahunan, bagi tujuan mengurus dan pembangunan yang melebihi beberapa bilion ringgit, dan selaras dengan itu semua perbelanjaan Kementerian dan Jabatan perlulah disahkan.

Saya bersetuju dengan pandangan Ketua Audit Negara bahawa audit penyata kewangan akan hanya boleh dilaksanakan apabila penyata berkenaan telah disiapkan secara sempurna dan terkini. Saya difahamkan bahawa penyata kewangan bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Persekutuan dan sebilangan besar Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah disiapkan dalam tempoh yang ditentukan. Ucapan syabas patut diberi kepada keseluruhan warga kerja Jabatan Akauntan Negara, kerana penyata kewangannya telah

disiapkan dalam tempuh yang ditetapkan, memenuhi piagam Jabatan dan diasaskan kepada standard perakaunan antarabangsa.

Bagi Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih gagal menyediakan penyata kewangan mereka, saya berharap tindakan sewajarnya perlu diambil untuk membetulkan keadaan ini supaya imej agensi dan akhirnya imej Kerajaan sendiri tidak terjejas.

Pengauditan yang dilakukan adalah juga bertujuan bagi menentukan wujudnya pertanggungjawaban atas mereka yang telah diamanahkan mengurus sesuatu syarikat atau Jabatan dan Agensi Kerajaan. Pada masa kini konsep akauntabiliti telah diberi definisi sebagai "*liability to give account for something to somebody; responsibility to fulfill obligations*". Sebenarnya setiap dari kita memikul tanggungjawab atas kerja yang dilakukan dan ada pihak atasan yang terus memerhati, menilai dan membuat keputusan sama ada kita telah menjalankan tugas yang diberi dengan sempurna. Bagi kita orang Islam, penilai tertinggi ialah Allah s.w.t. Pada saya, orang yang bertanggungjawab ialah orang yang bersedia disoal tentang kerja yang dilakukannya dan sanggup menerima risiko daripada apa yang dikerjakan. Mereka yang bertanggungjawab tidak mengabaikan sesuatu kerja yang diamanahkan kepadanya, kerana ia bersedia untuk ditanya dan memberikan jawapan tentangnya. Sikap yang bertanggungjawab adalah sikap yang produktif dan memberi manfaat kepada orang lain. Ciri-ciri tanggungjawab yang disenaraikan di atas adalah diasas kepada Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

“setiap orang daripada kamu merupakan penjaga dan setiap penjaga bertanggungjawab terhadap apa yang dijaganya.”

Kalaularah ciri-ciri tanggungjawab ini wujud di kalangan kita, sama ada sebagai pekerja syarikat atau sebagai penjawat awam, saya rasa berbagai kemelut yang dihadapi di sektor ekonomi, perniagaan dan kewangan bahkan juga sektor politik tidak akan timbul. Besar kemungkinan negara kita akan menikmati tahap ekonomi yang lebih tinggi dan taraf kehidupan yang lebih selesa.

Bagi urusan kewangan di sektor swasta dan awam di Malaysia ini, saya tidak nampak bagaimana akauntabiliti dan integriti tidak boleh dijadikan amalan biasa warga kerja kedua sektor tersebut. Negara kita telah maju ke hadapan di berbagai bidang dan pencapaiannya juga boleh dibanggakan. Keadaan ini sudah semestinya mengetepikan atau menghapuskan segala ‘*impediment and roadblocks to accountability*’ yang sering disuarakan oleh ahli sains sosial. Pada pandangan ahli sains sosial, budaya bertanggungjawab/akauntabiliti tidak akan wujud, jika terdapat keadaan-keadaan berikut:-

- Sesuatu negara yang mempunyai peratusan penduduk yang buta huruf atau tidak berpelajaran agak tinggi akan mengakibatkan mereka tidak sedar tentang hak mereka. Ketidakupayaan menjalankan hak ini akan menjadi lebih menyerlah apabila rakyat hidup miskin dan ini tidak secara langsung menggalakkan mereka menggunakan cara tidak halal menambah pendapatan; akauntabiliti ditolak ke tepi;

- Terdapat penurunan nilai moral dan kegilaan mengumpul harta yang banyak untuk berseronok dan ini juga menyebabkan isu akauntabiliti dilupakan;
- Kepincangan dan kelemahan sistem perakaunan negara juga menyukarkan penentuan akauntabiliti; kelemahan ini termasuk sistem maklumat yang tidak lengkap dan ada kalanya tidak boleh dipercayai dan ini akan memudahkan seseorang manipulasi data untuk kepentingan persendirian.
- Kekurangan komitmen untuk menguatkuaskan budaya akauntabiliti bukan sahaja di pihak Kerajaan bahkan juga rakyat secara amnya. Keadaan ini timbul kesan dari budaya '*I scratch your back and you scratch mine*'.

Sudah semestinya senario di atas wujud di negara-negara miskin dan jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Bagi kita di Malaysia, konsep akauntabiliti awam telah menjadi penting apabila negara melaksanakan rancangan pembangunan yang terus meningkat dari tahun ke tahun atau dari satu Rancangan Lima Tahun ke Rancangan Lima Tahun berikutnya. Selaras dengan itu bilangan penjawat awam yang besar telah diwujudkan dan sektor awam mulalah terlibat dalam sektor pembangunan luar bandar, perladangan dan juga perindustrian. Pembiayaan pembangunan negara juga melibatkan institusi kewangan luar negara. Oleh itu timbulah tuntutan supaya diwujudkan konsep akauntabiliti bukan sahaja dari orang awam bahkan juga dari institusi kewangan antarabangsa yang memberi pinjaman. Rakyat kita telah menjadi lebih '*educated*' dan dengan berbekalkan berbagai harapan dan visi, mereka telah menjadi begitu

kritikal dan telah berani untuk menyuarakan aduan terhadap kelewatan sektor awam membuat keputusan dan pelaksana projek, kes-kes rasuah dan pilih kasih dalam pemberian kontrak, yang boleh dirangkumkan sebagai bekerja tanpa tanggungjawab dan tidak berintegriti.

Sebagai melengkapkan budaya kerja yang murni, adalah perlu akauntabiliti disertakan juga integriti, satu nilai dan budaya hidup yang timbul dari sanubari seseorang individu. Seseorang yang berintegriti sudah semestinya bertanggungjawab dan melaksanakan tugas dengan ikhlas dan telus. Kerajaan telah pun melancarkan Pelan Integriti Nasional yang memerlukan penglibatan semua rakyat negara ini. Berbagai program yang dilaksanakan oleh Institute Integriti Malaysia (IIM) telah mendapat sambutan yang baik tetapi saya rasa ada lagi ruang untuk ditingkatkan dan ini memerlukan sumbangan dari tuan-tuan sekelian. Kejayaan mewujudkan integriti melalui Pelan Integriti Nasional adalah untuk membolehkan generasi akan datang mewarisi kehidupan yang berasaskan kepada nilai-nilai yang murni dan terpuji.

Usaha untuk memperkuuh dan memperkaya akauntabiliti dan integriti awam bukanlah mudah. Ianya memerlukan komitmen dari semua pihak untuk mewujudkan satu negara yang telus dalam apa juga urusan dan satu negara yang diberi kepercayaan oleh semua pihak, sama ada di dalam negeri atau pihak luar. Tidak ada maknanya jika hanya sektor awam sahaja yang dituntut untuk menjadi lebih bertanggungjawab dan berintegriti sedangkan mereka di sektor swasta bebas melakukan apa yang mereka suka tanpa merasa malu atau dilakukan tanpa mengambil kira tanggungjawab sosial mereka; yang paling menyedihkan ada kalanya sektor swasta menyebabkan penjawat awam lupa daratan dan terjebak dalam aktiviti yang tidak bertanggungjawab.

Pada saya, akauntabiliti sektor awam ini akan dapat dipertingkat dan diperkuuh melalui peranan dan sumbangan yang perlu dimainkan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis, Biro Pengaduan Awam, Badan Pencegah Rasuah dan tidak ketinggalan Jabatan Audit Negara. Sama ada disukai atau tidak, Jabatan Audit Negara merupakan agensi terpenting dalam menentukan akauntabiliti penjawat awam. Juruaudit-juruaudit sektor awam telah dibekalkan dengan kuasa-kuasa tertentu di bawah Perlembagaan dan Akta Audit Negara 1957. Nampaknya tuan-tuan di Jabatan Audit Negara telah dibekalkan dengan perkakasan dan kemudahan ICT yang lengkap untuk menjalankan tugas semasa dan juga menghadapi cabaran masa hadapan. Setelah mendengar ucapan alu-aluan Ketua Audit Negara, saya dapati beberapa pendekatan baru telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu dalam memperbaiki cara kerja dan pelaporan Jabatan Audit Negara. Ucapan syabas patut diberi kepada Jabatan Audit Negara kerana berusaha untuk keluar dari budaya kerja lama dan mengguna pakai pendekatan baru yang lebih berkesan dan berjaya menangani *environment* kerja yang lebih mencabar.

Bekerja sebagai seorang juruaudit, sama ada di sektor swasta atau sektor awam, adalah satu kerja yang murni, yang ada kalanya tidak diberi pengiktirafan yang setimpal. Kita sering mendengar bagaimana juruaudit swasta, terutamanya yang baru mencebur diri di dalam profesion tersebut terpaksa bekerja sehingga larut malam bahkan ada yang terpaksa tidur di premis yang diaudit kerana perlu menyiapkan kerja. Melihatkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun-tahun kebelakangan ini disiapkan tepat masanya, besar kemungkinan warga kerja audit juga tidur di Jabatan dan Agensi yang diaudit.

Seperti juga profesi yang lain, saya berharap juruaudit juga patut menyediakan diri menghadapi cabaran masa depan. Ilmu dan kepakaran baru mesti diperolehi selaras dengan saranan saya supaya konsep pembelajaran sepanjang hayat dijadikan misi seseorang penjawat awam. Akademi Audit Negara perlulah digunakan sepenuhnya dan ianya juga diharap dapat memberi latihan kepada warga kerja Jabatan/Agenzi luar untuk memantapkan pengurusan kewangan sektor awam.

Sebagai juruaudit yang bakal menzahirkan pemerhatian terhadap cara urusan kewangan audit atau Jabatan, saya berharap ia hendaklah dilakukan secara berhemah dan diasaskan kepada tahap profesionalisme yang boleh dibanggakan. Saya bersetuju dengan pandangan bahawa seseorang juruaudit tidaklah perlu diingati oleh cara kerja yang kasar tetapi lebih diingati oleh analisis yang baik dan pemerhatian yang bernas sehingga boleh menyelesaikan masalah Jabatan . Para juruaudit sektor swasta juga patut memikirkan pendekatan baru dengan menzahirkan pemerhatian audit yang seimbang supaya ianya menjadi pendorong kepada pihak pengurusan memikirkan penambahbaikan urusan syarikat.

Saya sering menyarankan supaya Jabatan dan Agenzi sektor awam memberi penekanan terhadap pemerhatian audit. Memanglah Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal merasa terkilan apabila teguran dibuat oleh Jabatan Audit, tetapi ini patut diterima secara positif. Oleh itu, tindakan perlu diambil melalui Jawatankuasa-jawatankuasa yang sedia ada untuk menyediakan respons secara positif terhadap pemerhatian berkenaan dan tidak mengambil tindakan sambil lewa. Saya difahamkan oleh Ketua Audit Negara, kerjasama dan komitmen Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal sejak kebelakangannya ini telah menjadi lebih baik.

Sebagai akhir kata, saya ingin menyatakan Kerajaan menghargai kerja dan sumbangan Jabatan Audit Negara terhadap bukan sahaja memantapkan pengurusan kewangan sektor awam bahkan memperkuuh akauntabiliti dan integriti di kalangan penjawat awam. Adalah diharapkan Jabatan terus maju ke hadapan dan terus relevan pada tahun-tahun akan datang.

Dengan ucapan Bismillah, saya dengan rasminya melancarkan Hari Audit Se Malaysia. Terima kasih.

LAMPIRAN D

**KATA-KATA ALUAN
HARI AUDIT SE MALAYSIA
PADA 16.12.2005 JAM 3.00 PETANG**

Saudari Pengacara Majlis,

Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia

Y.B. Menteri-menteri

Y.A.B. Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk dan

Para hadiri sekalian

Izinkan saya terlebih dahulu menyampaikan ucapan ribuan terima kasih, dari saya dan keseluruhan warga kerja Jabatan Audit Negara, kepada para hadirin sekalian yang sudi menerima undangan kami ke Majlis Pelancaran Hari Audit Se Malaysia pada petang ini. Kesudian Y.A.B. Dato' Seri Perdana Menteri menghadiri majlis ini adalah merupakan satu hadiah yang sangat bermakna kepada kami semua dan akan kekal menjadi satu kenangan manis untuk dibawa ke akhir hayat. Kami juga menghargai kehadiran Y.B. Menteri-menteri, Y.A.B. Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan juga para jemputan kehormat yang lain. Sambutan yang menggalakkan ini jelas menunjukkan bahawa Jabatan Audit Negara telah diiktiraf sebagai satu institusi yang boleh menyumbang terhadap memantapkan pentadbiran negara, terutamanya dalam bidang urusan kewangan. Besar kemungkinan telah terkikis tanggapan terdahulu bahawa warga kerja Jabatan Audit tidak ada kerja lain hanya semata-mata mencari kesalahan orang. Dengan terlaksananya beberapa pendekatan baru Jabatan Audit, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan telah mula memahami bahawa pemerhatian audit boleh membantu mereka menyedari tentang kelemahan yang wujud di organisasi

mereka; di samping itu ada kalanya pemerhatian audit boleh membantu mereka mendapat peruntukan wang dan jawatan tambahan.

Untuk makluman Y.A.B. Dato' Seri, tugas yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah bagi menyahut saranan Y.A.B. Dato' Seri sendiri supaya pihak pentadbiran diberi berita baik dan buruk supaya apa juga keputusan yang diambil adalah berlandaskan kepada asas yang kukuh. Kami, di Jabatan Audit adalah merupakan *the carrier of bad news for the administration*; tapi diharap pihak pentadbiran tidak mengamalkan budaya zaman purba whereby *carrier of bad news will be the first to be eliminated*.

Y.A.B. Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Jabatan Audit Negara membuat keputusan untuk mengadakan Hari Audit Se Malaysia sebagai satu cara untuk memperkenalkan Jabatan yang telah wujud begitu lama kepada masyarakat umum.

Dari kajian dan pengamatan yang dibuat, kami dapati ada lagi pihak yang kurang peka atau tidak jelas dengan kerja, tanggungjawab dan peranan kami sebagai salah satu komponen penting dalam proses mewujudkan akauntabiliti di sektor awam. Kami juga berharap dengan adanya upacara sebegini, dapatlah auditi kami dan juga orang awam memahami tentang perkembangan yang dilalui oleh Jabatan Audit selama ini dan kedudukan semasa. Hari Audit Se Malaysia ini adalah juga merupakan salah satu *event* yang dijalankan bersempena dengan perayaan dan sambutan 100 Tahun Institusi Audit Negara. Kami telah mengadakan program kerja amal, perasmian Akademi Audit Negara dan tidak ketinggalan setem dan buku kenangan Perayaan 100 Tahun tersebut akan diterbitkan pada tahun hadapan. Satu Konvensyen Audit yang akan disertai oleh Ketua-ketua Audit Negara asing telah diatur bagi maksud perayaan yang sama.

Tema yang dipilih untuk Hari Audit Se Malaysia ialah “Pengauditan Berkualiti Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti”. Kami yang berada di Dewan ini, terutamanya sekali warga kerja Jabatan Audit, akan mengikuti dengan khusyuk, pandangan dan amanat Y.A.B. Dato’ Seri mengenai tema di atas.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Jabatan Audit Negara seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan dan Akta Audit 1957 perlu memastikan akauntabiliti wujud di kalangan penjawat awam terutamanya mereka yang telah dilantik sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan. Kami berjanji akan menyempurnakan tanggungjawab ini supaya visi dan hasrat Y.A.B. Dato’ Seri untuk mewujudkan negara Malaysia yang bersih, mengamalkan nilai-nilai murni dan berpandukan kepada budaya pertanggungjawaban dan integriti yang luhur akan tercapai.

Bagi memastikan segala kerja yang dilaksanakan mencapai tahap terbaik, pihak pengurusan atasan Jabatan Audit menetapkan dan berpendirian bahawa pengauditan yang dilaksanakan hendaklah berasaskan kepada mutu dan kualiti yang tinggi. Hanya kerja yang berkualiti sahajalah yang menentukan ‘*credibility*’ dan ‘*reliability*’ sesuatu pemerhatian audit, boleh menambah produktiviti juruaudit itu sendiri di samping mengurangkan masa dan kos pengauditan dan akhirnya hasil kerja yang berkualiti akan meningkatkan imej institusi audit bukan sahaja di kalangan auditi bahkan keseluruhan sektor awam.

Untuk menghasilkan kerja audit yang bermutu, iaanya merupakan satu cabaran kepada warga kerja Jabatan. Ianya memerlukan komitmen yang berterusan di samping memastikan wujud tahap kepakaran dan kompetensi yang tinggi di kalangan warga kerja Jabatan. Selaras dengan itu, salah satu strategi Jabatan Audit Negara ialah melaksanakan program latihan yang berterusan supaya akhirnya akan wujud *k-auditors/knowledgeable auditors*;

kesannya ialah juruaudit akan diingati oleh kerana keupayaannya membuat analisis secara *detail* dan mengeluarkan idea dan syor yang bernalas untuk mengatasi masalah berkaitan dengan urusan kewangan. Kami, di Jabatan Audit Negara tidak mahu diingati sebagai kumpulan manusia yang berlagak sebagai samseng, menjalankan kerja berdasarkan kepada ‘*fear factor*’ dan menzahirkan emosi ganas dan tatalaku macam ibu tiri yang berdepan dengan anak tiri yang sangat dibenci.

Hasil kerja berkualiti Jabatan Audit Negara pada masa akan datang boleh dimantapkan lagi setelah siapnya tempat latihan tetap iaitu Akademi Audit Negara, yang baru dirasmikan beberapa minggu yang lalu. Sebagai tambahan kepada latihan yang berterusan, kualiti kerja Jabatan Audit telah dapat dipertingkatkan melalui penggunaan manual dan *specific guidaline* serta atur cara kerja yang *comprehensive*, dan berdasarkan kepada standard audit yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Keseluruhan pendekatan ini telah menghasilkan kerja yang berkualiti; ini adalah menepati salah satu prinsip perkhidmatan awam yang digariskan oleh Y.A.B. Dato’ Seri, iaitu ‘*zero tolerance towards substandard performance*’. Kerja yang berkualiti juga akan memastikan kerja dilaksanakan bertepatan masanya dan tepat/*accurate* dari berbagai-bagai aspek.

Hasrat Jabatan Audit Negara untuk menghasilkan kerja yang bermutu tinggi berkait rapat dengan keupayaan auditi atau Jabatan yang hendak diaudit. Sesuatu Jabatan dan auditi yang *competent* berupaya membantu juruaudit menjalankan tugasannya; segala maklumat yang diminta diberi dengan segera; penyata kewangan disiapkan tepat masanya dan kemas kini. Pada keseluruhannya, bolehlah disahkan bahawa jentera Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya; hanya terdapat beberapa Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih berhutang penyata kewangan. Sebagai

usaha membantu Jabatan-jabatan memperkemaskan pengurusan kewangan mereka, Jabatan Audit Negara telah melancarkan program ‘anak angkat’ terhadap Jabatan-jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri; ‘anak-anak angkat’ ini akan sering dikunjungi oleh pegawai-pegawai audit untuk memberi nasihat dan bimbingan bagi tempoh satu tahun. Sambutan dari Jabatan dan agensi terhadap program ini adalah sangat menggalakkan berasaskan kepada permohonan untuk dipilih sebagai anak angkat terus meningkat dan juga kerjasama yang diberi oleh pengurusan atasan Jabatan berkenaan.

Y.A.B. Dato' Seri dan para hadirin,

Seperti juga Jabatan lain, kami di Jabatan Audit Negara perlu juga menghadapi cabaran tambahan iaitu menangani ledakan teknologi maklumat yang telah memberi kesan terhadap tugas audit. Kerja audit di bawah *environment ICT* adalah berbeza; dahulu kita lakukan *post audit* iaitu setelah transaksi di sempurnakan tapi dengan adanya medium ICT dan pelaksanaan *e-government*, *pra-audit* menjadi asas kerja. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran *facility ICT* membolehkan kumpulan maklumat yang lebih besar dipungut dan penganalisisan yang lebih *sophisticated* boleh dilakukan. Walaupun begitu penggunaan ICT secara meluas perlu mengambil kira isu-isu berkaitan dengan ‘*security*’ maklumat, mengikuti audit *trail* sesuatu transaksi dan kemungkinan terdapat pihak luar dan dalaman manipulasi data. Selaras dengan itu Jabatan Audit Negara telah menyediakan diri menghadapi alam kerja di bawah *environment ICT*.

Pendekatan yang diambil ialah untuk memastikan warga kerja audit celik IT melalui latihan terhadap mereka yang tidak memiliki pengetahuan IT. Bagi memastikan kemudahan IT dapat dimanfaatkan dan membantu mempercepatkan kerja, warga kerja Jabatan telah dibekalkan dengan peralatan komputer yang lengkap hasil dari peruntukan RM30 juta di bawah RMK 8.

Bagi kami *The Way Forward* untuk Jabatan Audit Negara ialah untuk memastikan kita terus dapat memenuhi harapan dan kehendak pihak-pihak berkepentingan dan *stakeholders*. Selaras dengan itu, Jabatan Audit Negara telah menjalankan satu soal selidik untuk mendapat pandangan kepuasan hati pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara.

Kertas soal selidik ini telah dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri dan juga Ketua Eksekutif Agensi Kerajaan.

Rumusan soal selidik ialah responden berpuas hati dengan proses kerja pengauditan yang dilaksanakan, tahap profesionalisme, kefahaman persekitaran auditi dan juga komunikasi antara pegawai Jabatan Audit dan Auditi adalah di tahap yang memuaskan. Ahli Parlimen dan ADUN juga berpuas hati dengan Laporan Ketua Audit Negara dan majoriti bersetuju laporan dan pemerhatian audit telah menyumbang ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam. Pandangan positif ini tidak akan melalaikan kami tapi akan terus mengambil tindakan untuk menuju ke tahap yang lebih tinggi.

Berasaskan kepada kenyataan bahawa kerja yang berkualiti memerlukan pendekatan profesional yang jitu, Jabatan Audit Negara akan mengorak langkah untuk menubuhkan *Malaysian Institute of Government Auditors (MIGA)* khas untuk memberi *professional recognition* kepada juruaudit sektor awam yang telah lama berkecimpung dalam bidang pengauditan. Ini adalah merupakan langkah yang perlu diambil untuk memenuhi syarat pelesenan juruaudit yang bakal dikuatkuasakan setelah penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia menjadi satu kenyataan kelak.

Y.A.B. Dato' Seri, kami warga kerja Audit ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih, kerana Y.A.B. Dato' Seri-lah yang telah menempatkan Jabatan ini ke satu kedudukan yang tinggi dan atas sokongan yang berterusan ini, Jabatan Audit telah diterima sebagai penyumbang penting kepada pemantapan pengurusan kewangan dan perwujudan akauntabiliti di sektor awam. Pada kami, Y.A.B. Dato' Seri merupakan pendorong utama bagi keseluruhan warga kerja untuk menabur khidmat supaya visi Y.A.B. Dato' Seri tercapai dalam masa terdekat. InsyaAllah.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Y.A.B. Dato' Seri dan juga para hadirin sekelian kerana menerima undangan ke Majlis Pelancaran Hari Audit Se Malaysia yang dilakukan secara sederhana ini.

Sekian.